

04 JUL 2001

Agong-Venezuela

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN VENEZUELA SEMPENA HARI KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Venezuela Hugo Chavez sempena Hari Kemerdekaan Venezuela hari ini.

dalam perutusan itu, Seri Padua bertitah: "Beta dan Raja Permaisuri Agong (Tuanku Siti Aishah) mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama sempena hari bersejarah ini."

Salinan perutusan itu dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan kepada Chavez dengan menyatakan beliau gembira mendapati bahawa kerjasama antara kerajaan dan rakyat kedua-dua negara telah meningkat.

Beliau berkata lawatan Presiden ke Malaysia baru-baru ini memberi sumbangan besar ke arah memperkukuhkan lagi hubungan antara Kuala Lumpur dan Caracas.

"Saya yakin bahawa di bawah kepimpinan dinamik Presiden dan usaha kerajaa, rakyat Venezuela akan menikmati pembangunan dan kemakmuran yang lebih pesat pada tahun-tahun akan datang," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Luis Alfonso Davila dengan menyatakan beliau menaruh harapan untuk bekerjasama rapat ke arah memperkukuhkan hubungan dua hala.

-- BERNAMA

MAM MAM FAZ